



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

MAC 2019

March 2019



**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**


**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENURUN SEBANYAK 0.05 PERATUS
TAHUN-KE-TAHUN PADA BULAN MAC 2019**

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Mac 2019 menurun sebanyak 0.05 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Mac 2018. Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus.
2. Penurunan IHP sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh penurunan harga dan kos Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (3.3 peratus); Makanan dan Minuman Ringan (0.5 peratus); dan Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (0.3 peratus). Walau bagaimanapun, ianya diimbangi oleh peningkatan harga dan kos Kesihatan (3.1 peratus); Rekreasi dan Kebudayaan (2.6 peratus); dan Pengangkutan (0.6 peratus).
3. Harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain menurun berikutan penurunan harga sewa rumah dan bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kediaman. Manakala, penurunan harga Makanan dan Minuman Ringan mengambilkira harga rendah sayur-sayuran, ayam dan telur. Penurunan dalam Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah pula adalah disebabkan oleh harga perabot ruang tamu/ruang makan dan perabot bilik tidur yang menurun.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi Mac 2019 meningkat sebanyak 0.5 peratus berbanding dengan bulan Februari 2019. Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.1 peratus, manakala Indeks Bukan Makanan meningkat sebanyak 0.6 peratus.
5. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mac 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE: www.depd.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)	
		Mac 2019	Mac 2019 / Mac 2018	Mac 2019 / Feb 2019
INDEKS KESELURUHAN	100.0	99.6	-0.05	0.5
Makanan dan Minuman Ringan	19.1	101.7	-0.5	0.1
Pakaian dan Kasut	4.2	91.0	-0.2	6.9
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	11.1	93.6	-3.3	-2.6
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11.0	94.8	-0.3	0.7
Kesihatan	1.3	102.7	3.1	0.5
Pengangkutan	18.8	99.5	0.6	1.3
Perhubungan	6.0	100.9	0.6	0.9
Rekreasi dan Kebudayaan	9.1	101.5	2.6	0.5
Pendidikan	3.9	110.7	-0.1	-
Restoran dan Hotel	8.9	103.4	0.4	0.1
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	6.5	101.4	-0.2	1.4

Perubahan Harga Tahun-Ke-Tahun Bagi Mac 2018 Hingga Mac 2019





MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) FELL BY 0.05 PER CENT
YEAR-ON-YEAR IN MARCH 2019

1. *The Consumer Price Index (CPI) in March 2019 decreased by 0.05 per cent year-on-year compared to March 2018. Prices of Food and Non-Alcoholic Beverages decreased by 0.5 per cent. Meanwhile, Non-Food prices increased by 0.1 per cent.*
2. *The CPI decrease was largely attributed to decreases in the prices and costs of Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (3.3 per cent); Food and Non-Alcoholic Beverages (0.5 per cent); and Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (0.3 per cent). However, this was moderated by increases in prices and costs of Health (3.1 per cent); Recreation and Culture (2.6 per cent); and Transport (0.6 per cent).*
3. *Prices of Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels decreased following the decrease in prices of rental and materials for the maintenance and repair of dwellings. Meanwhile, the decrease in the prices of Food and Non-Alcoholic Beverages was due to low prices of vegetables, chicken and eggs. The decline in Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance was attributed to the reduced prices of living/dining room furniture and bedroom furniture.*
4. *On a month-on-month basis, the CPI in March 2019 increased by 0.5 per cent compared to February 2019. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index increased by 0.1 per cent, while the Non-Food Index increased by 0.6 per cent.*
5. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for March 2019 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

Divisions	Weights (%)	Index	Changes (%)	
		Mar 2019	Mar 2019 / Mar 2018	Mar 2019 / Feb 2019
OVERALL INDEX	100.0	99.6	-0.05	0.5
Food and Non-Alcoholic Beverages	19.1	101.7	-0.5	0.1
Clothing and Footwear	4.2	91.0	-0.2	6.9
Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels	11.1	93.6	-3.3	-2.6
Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance	11.0	94.8	-0.3	0.7
Health	1.3	102.7	3.1	0.5
Transport	18.8	99.5	0.6	1.3
Communication	6.0	100.9	0.6	0.9
Recreation and Culture	9.1	101.5	2.6	0.5
Education	3.9	110.7	-0.1	-
Restaurants and Hotels	8.9	103.4	0.4	0.1
Miscellaneous Goods and Services	6.5	101.4	-0.2	1.4

